

Syor Umno hadkan tempoh 'buka pintu'

MELAKA, Rabu — Timbalan Presiden Umno, Encik Ghafar Baba, berkata beliau akan membawa cadangan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan datang supaya menghadkan tempoh kemasukan secara automatik bekas ahli yang ingin menyertai semula Umno.

Katanya, tempoh kemasukan secara automatik itu hendaklah dihadkan bagi menjaga maruah parti kerana buat masa ini terlalu banyak bekas ahli yang 'menghentam' Umno dan selepas itu memohon semula untuk menyertai Umno.

"Ini hanyalah satu cadangan yang saya akan membawanya pada mesyuarat MT akan datang," kata Encik Ghafar selepas berucap kepada ahli Umno Cawangan Taman Merlimau Baru, dekat sini, malam tadi.

"Umno bukannya sebuah parti yang lemah. Ia mempunyai maruah dan disiplin," katanya.

Beliau, yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata buat masa ini tidak ada had tempoh dikenakan dan oleh itu satu langkah perlu difikirkan untuk mengatasinya.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya cadangan itu diluluskan, ini tidak bermakna penyertaan bekas ahli Umno ditolak sama sekali tetapi kemasukan mereka ditimbang terlebih dahulu.

Menurutnya, cadangan untuk menghadkan tempoh kemasukan secara automatik itu bukan perkara yang harus segera dibincangkan oleh MT.

Encik Ghafar berkata, beliau tidak tahu bila mesyuarat MT akan datang diadakan.